

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY  
GAPARI KITINGAN**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan susulan kenyataan YB Timbalan Perdana Menteri 1 di Kota Kinabalu pada 4 Mei 2023, bilakah isu penubuhan Borneo Civil Aviation Authority (BCAA) akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk dibincangkan dan diluluskan supaya BCAA dapat ditugaskan untuk mengawal selia dan membangunkan industri penerbangan di Sabah dan Sarawak dengan lebih rapi dan pesat serta menjaga kepentingan rakyat Malaysia yang menggunakan penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia ialah merupakan salah sebuah Negara Penjanji kepada Convention on International Civil Aviation ("*Chicago Convention*") di mana Artikel 1 Chicago Convention memperuntukkan bahawa Negara Penjanji mengiktiraf setiap Negara mempunyai kedaulatan penuh dan eksklusif terhadap ruang angkasa di atas wilayah Negara tersebut.
2. Dalam hal ini, bagi melaksanakan obligasi sebagai Negara Penjanji kepada Chicago Convention dan selaras dengan peruntukan di bawah Artikel 74 Perlembagaan Persekutuan dan butiran 1 Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah menggubal Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3] bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengan penerbangan awam dan hal-hal berkaitan dengannya dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengawal selia aktiviti penerbangan awam di seluruh Malaysia.
3. Selanjutnya, apabila Jabatan Penerbangan Awam diperbadankan, fungsi kawal selia tersebut telah diambil alih oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017 [Akta 788] selaras dengan peruntukan di bawah butiran 10 Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa perkara berkaitan perhubungan dan pengangkutan, termasuklah jalan udara, pesawat udara dan penerbangan udara, padang terbang awam dan peruntukan bagi keselamatan pesawat udara adalah merupakan bidang kuasa Persekutuan dan Parlimen boleh mengubal undang-undang berkaitan perkara tersebut seperti mana yang diperuntukkan di bawah Artikel 74 Perlembagaan Persekutuan.
4. Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa bagi melaksanakan fungsi yang telah ditetapkan di bawah Akta 3 dan Akta 788, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia adalah satu-satunya badan kawal selia di Malaysia yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan

obligasi Malaysia sebagai Negara Penjanji di bawah *Chicago Convention* termasuk untuk menjalankan fungsi-fungsi kawal selia berkaitan aktiviti penerbangan awam di seluruh Malaysia.

5. Sehingga kini, tiada mana-mana Negara Penjanji di bawah seliaan *International Civil Aviation Organization* ("ICAO") yang ditubuhkan di bawah *Chicago Convention* mempunyai lebih dari satu badan kawal selia untuk menyelia aktiviti penerbangan awam di setiap Negara tersebut.

6. Oleh yang demikian, sebarang cadangan untuk menubuhkan Borneo Civil Aviation Authority (BCAA) perlu diteliti oleh Kerajaan selaras dengan keperluan pematuhan piawaian yang ditetapkan oleh ICAO dan pada masa yang sama, sebarang isu berbangkit melibatkan fungsi-fungsi kawal selia berkaitan aktiviti penerbangan awam di seluruh Malaysia oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia akan diselaraskan sebaik mungkin bagi memastikan pelaksanaan fungsi yang efektif dan efisien.

Sekian, terima kasih.